Surat khabar: Utusan Malaysia
Hari/Tarikh: 13/04/2012, Jumaat
Muka surat: 31

Tajuk : Kempen derma darah di UNIMAS

13/04/12 m/s : 31 utusan m'sia

# Kempen derma darah di Unimas

SAMARAHAN 12 April - Jawatankuasa Perwakilan Kolej Bunga Raya Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) akan menganjurkan kempen derma darah bersempena hari terbuka kolej berkenaan pada 27 dan 28 April ini.

Unimas dalam satu kenyataan di sini memberitahu, kempen itu akan diadakan di Bilik Rekreasi Blok B, kolej tersebut bermula pukul 9 pagi.

"Kumpulan sasaran penderma adalah mahasiswa, staf Unimas dan masyarakat sekitar Kota Samarahan dan Kuching. Kempen derma darah adalah satu aktiviti amal yang dijalankan untuk membantu memastikan bekalan darah mencukupi," katanya di sini hari ini.

Maklumat lanjut boleh diperoleh dengan menghubungi Lai Mei Kin di talian 017-3193864 dan Raymond Lubun Tinsang 016-8924640.